

KHUTBAH JUMAAT

“MEMBANGUNKAN SARAWAK MAJU MAKMUR”

(15 September 2023M/ 29 Safar 1445H)

الْحَمْدُ لِلّٰهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا،
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللّٰهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ، وَمَنْ يُضْلِلُهُ فَلَا هَادِي
لَهُ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا
مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Takwa dan iman adalah pelita yang menyinari hati dan kalbu kita, memimpin kita ke jalan yang benar, memenuhi jiwa kita dengan kebaikan dan rahmah, memandu kita ke arah kesejahteraan dan keamanan, menjadikan kita insan yang sempurna, tenang dan berjaya di dunia dan di akhirat. Takwa dan iman juga akan menghakis perasaan yang buruk dalam hati kita dan menggantikan kebencian dengan kasih sayang. Justeru, bersempena dengan hari Jumaat yang mulia ini marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan dengan menunaikan perintah dan menjauhi tegahan Allah *subhanahu wata'ala*.

Khatib ingin mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menghilangkan pahala Jumaat. Oleh itu, dengarlah khutbah yang bertajuk, “**Bersama Membangunkan Bumi Merdeka**”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

16 September yang disambut setiap tahun sebagai Hari Malaysia bertujuan memperingatkan kita sejarah pembentukan, penubuhan dan pengisytiharan Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura sebagai negara Malaysia. Majlis Pengisytiharan yang diadakan secara gilang-gemilang ini telah dihadiri oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Raja-raja Melayu, Gabenor Pulau Pinang, Melaka, Singapura, Sabah dan Sarawak. Pada masa itu, Sarawak diwakili oleh Tun Datuk Abang Haji Openg bin Abang Sapiee, Gabenor Sarawak.

Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Perdana Menteri Malaysia ketika itu dalam pengisytiharannya menyatakan:

“... mulai daripada 16 September 1963 bersamaan 28 Rabiul Akhir 1383H negeri-negeri di Malaysia dengan izin dan kehendak Allah Rabbul-Alamin akan kekal menjadi sebuah negara demokrasi yang merdeka lagi berdaulat serta berdasarkan kebebasan dan keadilan dan sentiasa mempertahankan serta memelihara keamanan dan kemesraan umatnya dan mengekalkan keamanan di antara segala bangsa di dunia ini.”

Hari Malaysia pada 16 September 1963 seharusnya menyedarkan seluruh rakyat Malaysia bahawa negara ini telah 60 tahun ditubuhkan. Tempoh masa yang panjang ini seharusnya mematangkan semangat perpaduan dan kebersamaan seluruh anggota masyarakat yang berbilang kaum sebagai sebuah keluarga.

Setiap warganegara Malaysia khususnya kita di Sarawak adalah bertanggungjawab dalam usaha membangunkan Sarawak sesuai dengan upaya masing-masing. Secara mudahnya, negeri kita adalah tanggungjawab kita! Justeru, bagi merealisasikan pembangunan mapan, maka tiga aspek utama diberi penekanan untuk menjamin kestabilan sosiopolitik iaitu kesepaduan sosial, pendidikan holistik dan keutuhan ekonomi.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Kesepaduan sosial adalah kunci kepada keutuhan ummah. Hal ini dapat dicontohi daripada sejarah kaum Muhajirin dan Ansar. Atas dasar persaudaraan, kaum Ansar tidak membiarkan saudaranya kaum Muhajirin dalam kesusahan, sebaliknya dibantu setiap aspek keperluan mereka. Abu Musa *radiallahu anhu* meriwayatkan peringatan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* yang berbunyi:

((الْمُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبُنْيَانِ يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا ...))

Maksudnya : Seorang *mukmin* dengan *mukmin* yang lain umpama sebuah bangunan, sebahagiannya mengukuhkan sebahagian yang lain.

(*Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Imam Muslim*).

Seorang Muslim merupakan saudara kepada Muslim yang lain. Haram baginya menumpahkan darah saudaranya, merampas hartanya dan mencemarkan kehormatannya. Seorang Muslim juga dilarang menzalimi saudaranya, membiarkannya teraniaya dan menghinanya.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pendidikan holistik dan ilmu pengetahuan seimbang dari sudut intelek, emosi, jasmani dan rohani amat mustahak dalam melahirkan modal insan berkualiti.. Tujuan menuntut ilmu, sama ada ilmu fardu ain atau ilmu fardu kifayah, bukan hanya bermatlamatkan untuk mendapatkan pekerjaan semata-mata, tetapi merupakan tuntutan dan kewajipan dalam agama. Saidina Anas bin Malik *radiallahu anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((طَلْبُ الْعِلْمِ فَرِيْضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ ...))

Maksudnya : Menuntut ilmu itu adalah fardu (kewajipan) bagi setiap Muslim.”

(*Hadis riwayat Imam Ibn Majah*).

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Aspek seterusnya adalah kekuatan ekonomi. Ia menjadi faktor penting dalam memperkuuhkan kestabilan umat. Kekuatan ekonomi bermaksud mempunyai ekonomi yang mapan serta berdaya tahan terhadap sebarang ancaman luar dan dalam. Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* sewaktu tiba di Madinah,

Baginda *sallallahu alaihi wasallam* bukan sahaja membangunkan masjid tetapi turut membangunkan pusat ekonomi umat Islam bagi menggantikan ekonomi Madinah yang ketika itu didominasi oleh kaum Yahudi.

Dalam kontek Sarawak, ketiga-tiga aspek yang telah dinyatakan ini telah memacu Sarawak menjadi sebuah negeri berpendapatan tinggi yang diiktiraf oleh bank dunia dengan pendapatan mencecah RM 12 bilion pada tahun 2022.

Oleh itu, umat Islam di Sarawak seharusnya memainkan peranan yang proaktif dalam ketiga-tiga aspek iaitu sosiopolitik, pendidikan dan ekonomi untuk memastikan Sarawak terus maju dan Makmur dengan acuan tersendiri tanpa mengabaikan nilai-nilai kerohanian untuk meraih keberkatan dan rahmat dari Allah subhanahu wataala. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Saba, ayat 15 :

لَقَدْ كَانَ لِسَبَّا فِي مَسْكِنِهِمْ ءَايَةٌ جَنَّاتٍ عَنْ يَمِينٍ وَشَمَائِلٍ كُلُوا مِنْ رِزْقٍ
رَبِّكُمْ وَآشْكُرُوا لَهُ وَجْهَ بَلْدَةٌ طَيْبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ

Maksudnya : Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk negeri Saba', satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu: dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri (kampung mereka). (Lalu dikatakan kepada mereka): "Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadaNya; (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun!.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita bersama-sama mengambil pengajaran dan penghayatan daripada khutbah ini, antaranya ialah :

Pertama : Umat Islam hendaklah bersyukur di atas nikmat kemerdekaan serta kedaulatan negara dengan menyuburkan semangat cintakan tanah air.

Kedua : Umat Islam hendaklah mengambil bahagian dan berperanan dalam meningkatkan kesepaduan sosial, pendidikan holistik dan keutuhan ekonomi untuk mengekalkan kestabilan sosiopolitik negara.

Ketiga : Umat Islam hendaklah menyedari bahawa Islam dengan segala ajarannya adalah agama yang memimpin manusia ke arah kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Hajj, ayat 38:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ . بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ .
إِنَّ اللَّهَ يُدْفِعُ عَنِ الظَّالِمِينَ وَإِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ حَوَّانٍ كَفُورٍ

Maksudnya: Sesungguhnya Allah membela orang yang beriman; sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap seorang yang khianat, lagi tidak bersyukur.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ .

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمْرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسِلِّمُوا تَسْلِيمًا اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلَّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلَّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.

وَارْضَى اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيَّينَ، سَادَاتِنَا أَيُّهُ بَكْرٌ وَعُمَرٌ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٌّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan Tuan Yang Terutama Pemangku Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan perlanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan kefaian. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit.

رَبَّنَا أَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ،
أَمِينٌ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَدْكُرُكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.